

Analisis Pengurusan Infrastruktur Dakwah dari Perspektif Al-Quran

(Analysis of Da'wah Infrastructure Management From The Al-Quran Perspective)

Mohd. Hisyam Abdul Rahim¹, Azizul Azra Abdul Razak^{2*}

Hafizah Abdul Jalil³

¹Jabatan Pengajian Islam, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn, 86400, Batu Pahat, Johor, Malaysia.

Email: mdhisyam@uthm.edu.my

²Jabatan Pengajian Islam, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn, 86400, Batu Pahat, Johor, Malaysia.

Email: gl190008@student.uthm.edu.my

³Jabatan Pengajian Islam, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn, 86400, Batu Pahat, Johor, Malaysia.

Email: gl190002@student.uthm.edu.my

ABSTRAK

Pengurusan infrastruktur dakwah merujuk kepada usaha dalam menguruskan sumber infrastruktur dakwah secara sistematik dan efisien dengan menggunakan segala kemudahan yang telah tersedia. Namun dalam konteks Malaysia, kefahaman berkenaan pengurusan infrastruktur dakwah agak kurang diperjelaskan khusus melalui tinjauan al-Quran. Justeru kajian ini bertujuan menetengahkan aspek pengurusan infrastruktur dari perspektif al-Quran dan menganalisis aktiviti yang berkaitan dengannya. Metode kajian adalah berbentuk kajian kualitatif dengan mengaplikasikan kaedah tafsir maudhu'i bentuk ketiga digunakan bagi mencapai objektif kajian. Hasil kajian telah mengenal pasti beberapa aspek penting perlu diketengahkan iaitu kerangka teori pengurusan infrastruktur dakwah menurut al-Quran yang terdiri daripada proses penyediaan dan penyelenggaraan infrastruktur dakwah. Implikasi kajian ini memberikan gambaran jelas tentang mekanisme pengurusan infrastruktur dakwah dalam konteks dakwah kontemporari menurut perspektif al-Quran.

ABSTRACT

Da'wah infrastructure management refers to efforts in managing da'wah infrastructure resources in a systematic and efficient manner by using all available facilities. However, in the context of Malaysia, the understanding regarding the management of the da'wah infrastructure is somewhat less clarified specifically through the review of the Quran. Therefore, this study aims to highlight aspects of

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Azizul Azra Abdul Razak
(gl190008@student.uthm.edu.my)

KATA KUNCI:

Pengurusan
Infrastruktur dakwah
Penyediaan
Penyelenggaraan

KEYWORDS:

Management
Da'wah Infrastructure
Preparation
Maintenance

CITATION:

Mohd. Hisyam Abdul Rahim, Azizul Azra Abdul Razak, & Hafizah Abdul Jalil. (2024). Analisis Pengurusan Infrastruktur Dakwah dari Perspektif Al-Quran. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 9(5), e002838.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i5.2838>

infrastructure management from the perspective of the Quran and analyze activities related to it. Library research by applying the content analysis method with the third form of Maudhu'i interpretation method is used to achieve the objectives of the study. The results of the study have identified several important aspects that need to be highlighted, namely the theoretical framework of da'wah infrastructure management according to the Qur'an which consists of the process of preparing and maintaining da'wah infrastructure. The implications of this study provide a clear picture of the management mechanism of da'wah infrastructure in the context of contemporary da'wah according to the Quranic perspective.

Sumbangan/Keaslian: Sumbangan utama penyelidikan ini ialah mendapati bahawa infrastruktur dakwah meningkatkan cara pemikiran, kaedah dakwah dan profesionalisme pendakwah dalam melaksanakan aktiviti dakwah. Penyelidikan ini memberi manfaat kepada sasaran dakwah dari kalangan individu, masyarakat, organisasi dan institusi dakwah di Malaysia.

1. Pengenalan

Malaysia memiliki institusi agama yang diiktiraf oleh pihak kerajaan. Dalam konteks semasa, aktiviti urus tadbir atau pengurusan dakwah Islam kontemporari yang perlu ditingkatkan adalah menjurus kepada aktiviti mengurus infrastruktur dakwah (Faizal, 2013). Perkara ini terbukti apabila melihat antara faktor kejayaan dakwah Rasulullah SAW di Madinah pada permulaan perkembangan Islam adalah melalui pembinaan infrastruktur masjid. Menurut Mohamad Tajuddin et al. (2007), infrastruktur dakwah terawal dibina pada zaman Rasulullah SAW merupakan masjid Quba yang dibina bukan sahaja memudahkan pelaksanaan ibadah solat semata-mata malah lebih fleksibel.

Justeru, kajian ini terarah kepada pengagihan infrastruktur dakwah menurut perspektif al-Quran dengan memastikan kefahamannya terarah kepada ajaran Islam yang sebenar. Kajian ini juga mengkaji aspek-aspek penting yang perlu dilaksanakan oleh pendakwah dalam mengagihkan gerak kerja mengurus, menyedia dan menyelenggarakan segala kemudahan infrastruktur dakwah. Di samping itu, kajian ini turut menghasilkan kerangka mekanisme pemeraksanaan infrastruktur dakwah.

1.1. Permasalahan Kajian

Kehidupan masa kini yang serba canggih amat mencabar. Cabaran tersebut turut ditempuh oleh pendakwah dan organisasi dakwah dalam usaha membangun dan memajukan aktiviti dakwah agar selaras dengan kehendak masyarakat maju. Antara cabaran yang dihadapi oleh pendakwah adalah dalam menguasai ilmu alat dan medium yang berkesan (Khairul Azhar, 2019).

Di Malaysia, pihak berkuasa tempatan setakat ini banyak membantu proses dakwah, antaranya menyediakan infrastruktur yang lengkap (Muhammad Abu Bakar, 2018) dan usaha yang dilakukan oleh badan bukan kerajaan (NGO) dilihat semakin berkembang seperti yang dilakukan oleh IKRAM, ABIM, PERKIM, dan lainnya. Selain itu, kegiatan dakwah juga diterajui oleh parti politik seperti Parti Islam Se-Malaysia (PAS).

Persoalannya, mengapa masih berlaku pelbagai permasalahan dalam dakwah seperti ketidakfahaman konsep infrastruktur (Ahmad Nasir, 2010), kelemahan organisasi dakwah menguruskan hal ehwal infrastruktur dakwah, pengabaian pusat aktiviti dakwah, kekangan sumber kewangan organisasi dakwah dan kelemahan sistem pengangkutan dakwah masih berlaku. Selain itu, juga permasalahan berlaku dalam aspek pengurusan dakwah yang didakwa masih bersifat pengurusan konvensional atau masih menggunakan kaedah atau cara lama (Burhanuddin et al., 2018).

Ini menunjukkan bahawa adalah tidak wajar menyatakan bahawa infrastruktur dakwah telah dilaksanakan dengan sempurna sedangkan ada sesetengah masyarakat yang masih tidak memahami peranan kewujudan infrastruktur dakwah. Menurut Ahmad Nasir (2010) dalam kajiannya khusus berkenaan dengan kefahaman masyarakat tentang produk halal dengan kaedah pendekatan infrastruktur dakwah memperoleh keputusan seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Pendekatan infrastruktur dakwah

Item	Bilangan	Peratus (%)
Amat setuju	10	13.5
Setuju	6	8.1
Tidak setuju	55	74.3
Sangat tidak setuju	3	4.0
Jumlah	74	100

Sumber: Ahmad Nasir (2010)

Berdasarkan Jadual 1 menunjukkan responden tidak bersetuju pendekatan infrastruktur dakwah dapat mempengaruhi kefahaman masyarakat dalam hal tersebut secara realitinya adalah benar bahawa masyarakat masih kurang memahami peranan infrastruktur dakwah ini.

2. Sorotan Literatur

Infrastruktur secara epistemologi boleh dikaitkan dengan perkataan *al-Wasail* atau *wasilah*. *Al-Wasilah* bermakna *al-Waslah* (pertalian dan hubungan). *Al-Wasilah* adalah salah satu medium prasarana (infrastruktur) seorang hamba menuju Allah SWT (Al-Alaf, 2008).

Dalam kata lain, prasarana dakwah atau infrastruktur dakwah adalah menjurus kepada segala sesuatu yang dapat digunakan sebagai alat dalam mencapai maksud atau tujuan sesuatu. Oleh yang demikian, pengertian infrastruktur dakwah adalah segala sesuatu yang dapat diguna pakai sebagai alat persiapan dalam melaksanakan dakwah yang dikaitkan dengan aktiviti *amr ma'ruf nahi munkar*. Pelaksanaan ini perlu ditempuh dengan cara jihad *fi sabilillah*. Oleh itu, hubungan antara infrastruktur, dakwah, *amr ma'ruf nahi munkar* dan jihad sangat penting berkait rapat dalam rangka kerja bermula dari merancang strategi hinggalah kepada perlaksanaannya (Al-Alaf, 2008).

Dalam hal ini, pengurusan infrastruktur dakwah mempunyai peranan yang sangat penting agar dapat memudahkan pelaksanaan infrastruktur dakwah serta menyokong tercapainya tujuan *amr ma'ruf nahi munkar* sama ada secara khusus ataupun secara umum. Dalam al-Quran juga terdapat ayat-ayat yang menunjukkan bahawa pentingnya pengurusan infrastruktur atau kemudahan dalam dakwah. Makhluq Allah SWT berupa unggas yang dijelaskan dalam al-Quran juga telah dijadikan sebagai gambaran bahawa

sekecil-kecil makhluk Allah SWT ini juga memerlukan petunjuk dalam mengurus dan mengatur kehidupannya di muka bumi ini. perkara ini dijelaskan menerusi tafsiran ayat al-Quran surah Al-Nahl ayat 68-69 menyatakan berkenaan tafsiran pertama bahawa 'Wahyu' dalam ayat yang dinyatakan merupakan petunjuk dan bimbingan dari Allah SWT kepada lebah agar membuat sarangnya di tempat-tempat tertentu. Kemudian, dengan adanya petunjuk dari Allah SWT ini, lebah membina sarangnya dengan tersusun. Lalu lebah akan kembali ke sarang masing-masing tanpa menyimpang ke arah kanan atau ke arah kiri. Pada sarang inilah tempat ia meletakkan telur-telur dan madunya. Lebah membina lilin untuk dijadikan sebagai sarang dengan menggunakan kedua-dua belah sayapnya dan dari mulutnya ia mengeluarkan madu, sedangkan lebah betina mengeluarkan telur dari duburnya, kemudian menetas dan terbang ke tempat kehidupannya (Kathir, 2014).

Jelas bahawa ayat di atas menerangkan bahawa lebah adalah merupakan makhluk kecil Allah SWT yang telah diberikan petunjuk dalam mengurus kehidupan di muka bumi. Kejadian ini membuktikan bahawa Allah SWT telah menyediakan pelbagai kemudahan atau alat kepada seluruh makhluk ciptaanNya. Dengan demikian, manusia dapat berfikir untuk mengenal kebenaran Allah SWT menggunakan segala kemudahan yang Allah SWT telah kurniakan agar mereka dapat berfikir tentang kekuasaan dan keagunganNya.

Pengurusan infrastruktur dakwah merupakan teori pengurusan yang tidak bertentangan dengan syarak. Ertinya, ia perlu dibatasi dengan aqidah, syariat dan akhlak. Situasi ini perlu kerana ia mampu mewujudkan sebuah infrastruktur dakwah yang berdaya saing dan bersifat global. Manakala penerapan unsur-unsur pengurusan Islam amat ditekankan kerana ia mampu menjadikan sebuah infrastruktur tersebut sebagai *role model* kepada infrastruktur yang lain. Secara jelasnya, dalam konteks semasa telah wujud institusi, organisasi, syarikat, yayasan dan pondok pengajian yang beroperasi mengikut kaedah pengurusan Islam.

3. Metod Kajian

Analisis data dengan kaedah kualitatif dijalankan dengan menganalisis dokumen dalam memahami berkenaan tema pengurusan infrastruktur dakwah menurut al-Quran. Kajian kualitatif biasanya melibatkan beberapa metode dalam proses pengumpulan data. Antaranya adalah metode pemerhatian secara langsung, temu bual yang mendalam dan analisis dokumen serta bahan budaya (Othman, 2009). Oleh yang demikian, kaedah pengumpulan data bagi kajian ini adalah secara analisis dokumen bersumberkan kepada al-Quran dan beberapa kitab tafsir yang dipilih. Bagi mencapai objektif kajian, ayat-ayat al-Quran akan dikelompokkan berdasarkan kepada kajian literatur.

Sumber dokumen kajian ini adalah daripada sumber primer yang terdiri daripada kitab tafsir al-Quran dan kitab al-Tafsir al-Maudui iaitu Tafsir al-Quran Tematik, Lajnah Pentashihan Mushaf al-Quran (Hanafi, 2012) serta Tafsir Maudhu'iy oleh Arief Salleh dan Yahaya (2014).

4. Hasil Kajian

Kerangka infrastruktur dakwah boleh diaplikasikan oleh pihak pengurusan institusi dan organisasi dakwah yang mempunyai kemudahan infrastruktur dakwah. Mereka yang terlibat ini terlebih dahulu perlu membina satu kerangka yang jelas berkaitan pengurusan infrastruktur dakwah yang terdiri dari aktiviti penyediaan, pengauditan, pemeliharaan,

dan penyaluran infrastruktur dakwah. Kaedah ini mengadaptasi pendekatan sektor pendidikan di mana pengurusan sarana dan infrastruktur perlu ditentukan kepada aspek-aspek yang diketengahkan dalam penulisan ini. Berikut dinyatakan kerangka pengurusan infrastruktur dakwah:

- a. Penyediaan *da'i* profesional
- b. Penyediaan infrastruktur dakwah
- c. Penyelenggaraan infrastruktur dakwah

4.1. Penyediaan *penilaian da'i*

4.1.1. Penyediaan pengurus dan ahli-ahli jawatankuasa pelaksana infrastruktur dakwah

Merancang rangka kerja penyediaan para pelaksana atau petugas infrastruktur dakwah seperti penyediaan pengurus dan ahli-ahli jawatankuasa pelaksana infrastruktur dakwah, pemerkasaan aktiviti *amr ma'ruf nahi munkar* dan juga pembinaan institusi yang bertanggungjawab dalam melahirkan *da'i* profesional.

4.1.2. Menyediakan institusi latihan penilaian *da'i*

Perincian bagi menyediakan institusi latihan penilaian *da'i* dengan mengambil kira aspek penyediaan berikut:

- i. Penyediaan infrastruktur berupa masjid, surau dan sebagainya.
- ii. Penyediaan infrastruktur media penyiaran, pengurus infrastruktur dakwah, *da'i* interpersonal, infrastruktur *nahi munkar* dan *taqwim da'awi di mana* setiap bentuk infrastruktur ini mempunyai sistem pengoperasian tersendiri.
- iii. Penyediaan pelaksana infrastruktur yang mempunyai ciri-ciri dan kredibiliti seorang pendakwah profesional merangkumi aspek rohani (akidah, akhlak), jasmani, cara pemilihan kaedah pengurusan yang betul dan menjaga segala amalan ibadah yang wajib (solat, puasa, zakat dan lain-lain).
- iv. Penyediaan pusat latihan bagi pelaksana infrastruktur dakwah.
- v. Penyediaan kemudahan dan keperluan masyarakat umum bagi menjaga kemaslahatan kehidupan yang lebih sempurna. seterusnya kemudahan tersebut menjadi pemangkin perjalanan dakwah khusus atas tujuan *amru bil ma'ruf wa nahu ani munkar*.
- vi. Penyediaan pemimpin dalam organisasi dakwah yang mampu menjalankan aktiviti dakwah dengan baik serta pemimpin tersebut diterima oleh masyarakat atas faktor kemampuan dalam menjaga dan melindungi masyarakat. Mereka dipilih atas dasar wujudnya sifat kredibiliti, kepimpinan dan berpengetahuan agama serta berakhlak mulia.
- vii. Penyediaan infrastruktur penilaian *da'i*. Tujuan sebenar penyediaannya adalah untuk melahirkan para *da'i* yang dapat menjadikan dan melahirkan sebuah masyarakat *khayr ummah*. Antara modul yang terkandung di dalamnya adalah melahirkan tenaga kepakaran dalam bidang teknologi maklumat (IT), menyempurnakan keperluan khusus pendakwah (logistik dakwah) termasuk segala bentuk perbelanjaan dan sumber pendapatan keperluan dakwah dan juga menyediakan modul pembelajaran penilaian *da'i*.

4.2. Penyediaan infrastruktur dakwah

4.2.1. Merancang projek infrastruktur dakwah

Untuk merealisasikan impian ini, organisasi dakwah perlu merancang sesuatu pelan pembangunan atau pelan strategik antaranya;

- i. Pelan strategi fasa permulaan yang merangkumi kerjasama erat antara badan swasta dan awam (kerajaan) amat diperlukan untuk menjayakan projek ini.
- ii. Pelan strategi fasa pertengahan yang merangkumi semakan dan penambahbaikan secara berterusan.
- iii. Pelan strategik fasa akhir yang memfokuskan kepada menerbitkan buku Siri Manual Pengurusan Infrastruktur Dakwah kepada agensi-agensi atau badan-badan dakwah berkaitan sebagai piawai bagi tujuan peningkatan keberkesanan urus tadbir infrastruktur dakwah yang merangkumi aspek pendidikan, kesihatan, ekonomi dan sosial.

4.2.2. Mewujudkan projek fizikal dan bukan fizikal menerusi sektor-sektor berkeperluan seperti pendidikan, ekonomi, kesihatan dan kemudahan sosial

Peruntukan dari kerajaan yang diterima oleh organisasi atau badan dakwah melalui peruntukan dari belanjawan tahunan negara sememangnya bertujuan untuk membangunkan infrastruktur-infrastruktur dakwah. Oleh itu, setiap organisasi dan badan dakwah sama ada kerajaan atau bukan kerajaan perlu berusaha memanfaatkan dana tersebut sebaik mungkin.

4.2.3. Memajukan infrastruktur dakwah

Aktiviti memajukan infrastruktur dakwah bertujuan agar pertumbuhan infrastruktur dakwah berkualiti tinggi dapat dicapai. Hasilnya boleh dilihat dari sudut impak kemajuan infrastruktur dakwah yang terdiri dari perkhidmatan kesihatan, peluang pendidikan yang lebih baik dan kekuatan ekonomi khususnya di kawasan pedalaman.

Oleh itu, keperluan perlu kekuatan kewangan perlu terus menawarkan nilai untuk membuka lebih banyak modal bagi memajukan infrastruktur dakwah. Satu kaedah yang boleh dilakukan adalah dengan menawarkan lebih banyak struktur pembiayaan inovatif yang akan menggalakkan lebih banyak perkongsian ilmu antara pihak kerajaan dan swasta khusus dalam bidang dakwah. Manakala pengumpulan pelbagai sumber pembiayaan melalui proses bersesuaian untuk membiayai kitaran hayat projek-projek infrastruktur dakwah memerlukan model pembiayaan yang kompetitif.

4.3. Penyelenggaraan infrastruktur dakwah

4.3.1. Menyelaras pengurusan infrastruktur dakwah

Bertepatan dengan tujuan penubuhan sesebuah organisasi dakwah iaitu menyelaras aktiviti dakwah semasa beberapa siri manual pengurusan infrastruktur perlu dilaksanakan sebagai rujukan kepada organisasi dakwah dalam mengurus infrastruktur dakwah. Contohnya menerbitkan,

- i. Manual pengurusan penyediaan infrastruktur dakwah

- ii. Manual pengurusan penyelenggaraan (pencatatan, pemeliharaan, penyaluran dan penilaian infrastruktur dakwah

Penerbitan ini dapat menjadi rujukan tetap mengikut garis perundangan penggunaan infrastruktur dakwah agar dapat diselaraskan di semua tempat organisasi dan institusi dakwah.

Dengan wujudnya penerbitan manual pengurusan ini, pengurusan infrastruktur dakwah dapat diselaraskan dan diseragamkan sama ada prosedur kerjanya mahupun segala bentuk aktiviti mengurus infrastruktur dalam dilaksanakan secara sistematik.

4.3.2. Memantau projek-projek yang telah dibangunkan secara berkala

Pemantauan ini sama ada daripada pihak organisasi dakwah mahupun daripada pihak kerajaan sendiri. Aktiviti pemantauan penggunaan infrastruktur dakwah bertujuan agar aktiviti penyaluran dan pengagihan mampu menjana manfaat besar kepada golongan sasaran seterusnya meningkatkan kesejahteraan manusia demi pembangunan negara yang inklusif dan menyeluruh.

Dalam melaksana aktiviti pemantauan infrastruktur dakwah ini antara aktiviti yang boleh dilaksanakan adalah melalui penyediaan laporan perjalanan aktiviti dan kewangan infrastruktur dakwah yang semestinya perlu dihantar untuk disemak secara berkala.

Laporan ini dihantar adalah bertujuan untuk memastikan segala aktiviti pengurusan infrastruktur dakwah tersebut sentiasa berkembang dan memberikan kesan yang positif. Jika tidak, keperluan untuk menyiasat permasalahan yang berlaku di dalam organisasi dan juga infrastruktur-infrastruktur dakwah berkenaan perlu dilaksanakan seterusnya mencari jalan penyelesaian menyelesaikannya dengan segera.

5. Kesimpulan

Hasil kajian ini telah mengetengahkan satu susunan tafsir *maudhu'i* bentuk ke tiga iaitu berasaskan objektif (pemeriksaan dakwah *bil hal* melalui pendekatan prasarana (infrastruktur). Keperluan infrastruktur dakwah amat dititikberatkan bagi memudahkan proses pelaksanaan dakwah yang sistematik dan terancang. Ia dengan mengambil kira beberapa faktor penting dalam pengurusan iaitu penyediaan, penyelenggaraan, audit, pemeliharaan, penyaluran dan penilaian infrastruktur tersebut. Justeru, kajian ini telah mengetengahkan sebuah kerangka khusus pengurusan infrastruktur yang mengandungi konsep atau teoritikal pengurusan infrastruktur dakwah dan ia merupakan dasar kepada kajian yang dilakukan. Kajian juga mengetengahkan pembinaan mekanisme pemeriksaan pengurusan infrastruktur dakwah dan ia merupakan sumbangan kajian oleh penyelidik kepada organisasi lain dalam mengurus infrastruktur dakwah. Seterusnya, setelah dikumpulkan dan disusun segala maklumat berkenaan pengurusan infrastruktur dakwah ini, maka dilengkapi sebuah model pengaplikasian infrastruktur dakwah yang akan dijadikan contoh pembuktian secara praktikal. Justeru, kajian ini telah mencapai kerangka konsep kajian yang telah dinyatakan sebelum ini.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Pengkaji merakamkan terima kasih kepada penyelia yang sudi memberikan bimbingan dan panduan dalam menghasilkan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan daripada mana-mana pihak.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Pengkaji tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarang atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

- Ahmad Nasir Mohd Yusoff. (2010). *Sikap Orang Ulu Bukan Islam Terhadap Islam: Kajian Kes Di Kalangan Etnik Penan Bintulu Sarawak dalam Buku Dakwah Multietnik di Malaysia*. Penerbit Jabatan Dakwah dan Kepimpinan. Fakulti Pengajian Islam (FPI). Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi Selangor.
- Al-Alaf, A. A. (2008). *Kiprah Dakwah Muslimah*. Solo: Pustaka Arafah.
- Arief Salleh Rosman & Yahaya Jusoh. (2014). *Tafsir Maudhu'iy: politik dan urus tadbir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Burhanuddin Jalal, Amnah Saayah Ismail & Sayuti Ab Ghani. (2018), Pendekatan dakwah untuk cabaran masa depan: satu sorotan. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 4(1), 23-33.
- Faizal. (2013). Dakwah Bil-Hal Dalam Perspektif Al-Quran. *Bina Ummah: Jurnal Ilmu Dakwah dan Pengembangan Komunitas*, 8(2), 255-267.
- Hanafy, M. M. (2012). *Tafsir Al-Qur'an Tematik: Jihad, Makna dan Implementasinya*. Jakarta: Lajnah Pentashihan Mushaf Al-Qur'an.
- Kathir, I., (2014) *Maksud Ringkasan Tafsir Ibnu Kathir terj H. Salim Bahreisy*. Jil 4 Pustaka Jiwa Sdn Bhd. Selangor
- Khairul Azhar Meerangani, Muhammad Asyraf Ahmad Termimi, Ahmad Faqih Ibrahim & Muhammad Hilmi Mat Johar. (2019) Elemen al-Hirz dan kedudukannya jenayah siber masa kini. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 5(1), 55-79.
- Mohamad Tajuddin, Mohamad Rasdi & Nangkula Utaberta. (2007). Mosque architecture in Malaysia; Classification of styles and possible influence. *Jurnal Alam Bina*, 9(3), 1-37.
- Muhammad Abu Bakar. (2018) *Penghayatan Sebuah Ideal: Suatu Tafsiran Tentang Islam Semasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Lebar. (2009). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metod*. Tanjong Malim: Penerbit UPSI.